

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perbelanjaan berkaitan COVID-19 seperti berikut:

- (a) jumlah dana untuk ujian COVID-19 yang ditanggung oleh Kementerian Kesihatan; dan
- (b) jumlah elaun tambahan staf Kementerian Kesihatan yang telah dibayar berkaitan dengan pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makuman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diluluskan peruntukan sebanyak RM1 bilion oleh Kementerian Kewangan bagi menangani wabak COVID-19. **Sehingga 10 Oktober 2020, KKM telah membelanjakan sebanyak RM1.075 bilion yang turut termasuk peruntukan sedia ada Kementerian bagi pembelian peralatan, bekalan perubatan, barangan pakai habis (consumables), kelengkapan perlindungan diri (PPE), reagen dan test kit serta lain-lain perkhidmatan dalam usaha mengawal wabak COVID-19.**

2. Daripada jumlah tersebut, **KKM telah membelanjakan sebanyak RM194 juta untuk melaksanakan ujian COVID-19 melibatkan pembelian reagen dan test kit, penghantaran sampel serta outsource perkhidmatan makmal swasta.**

3. Sebagai menghargai jasa dan pengorbanan petugas barisan hadapan termasuk kakitangan perubatan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19, **elaun khas kepada frontliners sebanyak RM400 sebulan mulai bulan Mac 2020 telah ditingkatkan kepada RM600 sebulan mulai bulan April 2020. Sehingga 31 Oktober, KKM telah membelanjakan sebanyak RM246 juta bagi tujuan bayaran Elaun Khas COVID-19 ini.**

Sekian, terima kasih.